

Parti perlu tawar manifesto tidak abai penjawat awam

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed
bhrencana@bh.com.my

Antara perkara paling menarik dan ditunggu-tunggu pengundi setiap kali menjelang pilihan raya umum (PRU) adalah janji atau manifesto ditawarkan parti serta calon bertanding untuk meraih sokongan pengundi.

Dalam hal ini, penjawat awam juga tidak terkecuali meletakkan harapan tinggi pada manifesto dirangka parti bertanding PRU-15 nanti adakah mesra kepada mereka atau sebaliknya.

Ironinya bilangan 1.2 juta penjawat awam bukan satu angka kecil untuk dipinggirkan, sebaliknya semua parti perlu sedar kelompok ini mampu mempengaruhi nasib individu dan parti bertanding.

Justeru, semua parti sedang merangka manifesto masing-masing wajar melihat secara serius keperluan dan tuntutan penjawat awam, khususnya berkait rapat dengan kesejahteraan dan kebajikan kelompok pekerja tulang belakang kerajaan ini.

Secara prinsipnya, penjawat awam berharap semua parti memberi perhatian terhadap aspek kebajikan, keperluan dan kekurangan dihadapi golongan ini.

Pasca PRU-14 menyaksikan PH yang menjadi kerajaan bertindak mengurangkan bilangan penjawat awam dengan pelbagai alasan antaranya mendakwa kerajaan menanggung beban hutang tinggi.

Perkara ini sangat sensitif dan tidak wajar dijadikan opsyen termasuk sebagai alasan untuk melaksanakan langkah penjimatan perbelanjaan kerajaan kerana ia boleh memberikan tekanan serta menjejaskan kesejahteraan penjawat awam.

Yang paling penting, harapan utama penjawat

awam kepada parti yang bakal memerintah ialah terus menghormati kedudukan serta menghargai segala jasa serta sumbangan diberikan selama ini.

Kekal keputusan sebelum Parlimen dibubar

Parti bakal membentuk kerajaan perlu melihat penjawat awam sebagai rakan strategik penting untuk berganding bahu membangunkan negara dan membantu rakyat.

Justeru, penjawat awam berharap manifesto semua parti mengekalkan keputusan dan pengumuman kerajaan sebelum Parlimen dibubarkan, iaitu perkara diumumkan dalam Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-18 (MAPPA XVIII) seperti bayaran Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) tambahan khas sebanyak RM100 mulai Januari depan.

Ia termasuk tambahan Kadar Cuti Rehat Khas sebanyak lima hari menjadikan jumlah Cuti Rehat

Khas 15 hari setahun kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan berkhidmat melebihi 10 tahun.

Selain itu, menaikkan kadar maksimum jumlah cuti rehat boleh dikumpulkan bagi tujuan *award* wang tunai (GCR) daripada 160 hari kepada 180 hari serta pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) 2023 kepada anggota Gred 56 ke bawah berjumlah RM700 dan RM350 bagi pesara kerajaan serta veteran tidak berpencen diberi pada Januari 2023.

Penjawat awam juga berharap parti bertanding dapat menunaikan beberapa lagi tuntutan dikemukakan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam Malaysia (CUEPACS) sebelum ini, iaitu semakan dan kenaikan gaji, pelaksanaan gaji minimum RM1,800 serta sistem saraan lebih berkesan yang menyeluruh, adil dan saksama.

Kajian ke atas parti bertanding tidak boleh mengabaikan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam kerana ia menyediakan laluan kerjaya lebih menarik kepada semua penjawat awam secara keseluruhannya untuk tempoh jangka masa panjang.

Parti yang memasang impian untuk meraih undi dan sokongan penjawat awam wajar memandang serius semua harapan dan tuntutan ini, selain tidak mengabaikan keperluan rakyat keseluruhan.

Parti bertanding sangat bertanggungjawab menawarkan manifesto realistik, pragmatik dan menarik serta mampu dilaksanakan bukan saja untuk rakyat, bahkan kepada penjawat awam yang menjadi nadi pelaksanaan dasar kerajaan.

Ironinya penjawat awam selama ini terutama selepas PRU-14 berjaya membuktikan tahap profesionalisme tinggi dan berpegang kepada prinsip tidak memihak, sekali gus memberikan perkhidmatan terbaik kepada kerajaan memerintah dan rakyat.

Hakikat perlu disedari, penjawat awam kekal setia dan menjadi tonggak serta tulang belakang kepada kerajaan walaupun berlaku pertukaran parti memerintah.



Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, Universiti Putra Malaysia (UPM)

“Parti bakal bentuk kerajaan perlu melihat penjawat awam sebagai rakan strategik penting untuk berganding bahu membangunkan negara dan membantu rakyat”